

SIRI MENJELAJAH ALKITAB

MENJALANI KEHIDUPAN KRISTIAN

BERPEGANG KEPADA KEBENARAN SUPAYA TERUS
BERTUMBUH DALAM SEGALA HAL KE ARAH KRISTUS,
TUHAN DAN PENYELAMAT KITA.



WAWASAN
PENALAR

Siri Menjelajah Alkitab Menjalani Kehidupan Kristian

Penulis : Derek Williams, Robert F. Hicks, Andrew Stobart
Penterjemah : Lilian Jose
Penyunting : Martin H. Manser, Randy Singkee
Reka Letak : Randy Singkee
Kulit buku : Chiang Juat Chin

Edisi Bahasa Inggeris, *Living the Christian Life*, © 2009 oleh Creative 4 International, Bath, England.
Terjemahan Bahasa Malaysia © 2021 oleh Wawasan Penabur Sdn Bhd.

Buku ini diterbitkan berdasarkan lesen dari Creative 4 International, eksklusif untuk Wawasan Penabur Sdn Bhd.

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari:
Alkitab Versi Borneo © 2016, Borneo Sabda Limited

Cetakan Pertama: Januari 2021

Diterbitkan oleh:
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya
46787 Petaling Jaya, Selangor
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)?
Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Daftar Isi

| | |
|-----------|---------------------------|
| 1 | Pengenalan |
| 3 | Permulaan |
| 4 | Apa Maksud Semua Ini? |
| 6 | Satu Permulaan Baru |
| 8 | Satu Cara Hidup Baru |
| 10 | Janji-janji Allah |
| 12 | Pertolongan Allah |
| 14 | Satu Kehidupan Kekal |
| 17 | Mengenal |
| 18 | Kenali Diri Anda |
| 20 | Kenali Allah |
| 22 | Kenali Musuh Anda |
| 24 | Ketahui Kedudukan Anda |
| 26 | Ketahui Kebenaran |
| 28 | Ketahui Hak Istimewa Anda |
| 31 | Bertumbuh |
| 32 | Keperluan Pertumbuhan |
| 34 | Sumber Pertumbuhan |
| 36 | Bukti Pertumbuhan |
| 38 | Rahsia Pertumbuhan |
| 40 | Corak Pertumbuhan |
| 42 | Masalah Pertumbuhan |
| 45 | Menemukan |
| 46 | Menemukan Satu Hidup Baru |
| 48 | Menemukan Jalan Allah |
| 50 | Menemukan Kehendak Allah |
| 52 | Menemukan Firman Allah |
| 54 | Menerapkan Firman Allah |
| 56 | Mengendali Firman Allah |
| 59 | Kepunyaan |
| 60 | Kepunyaan Keluarga Allah |
| 62 | Kepunyaan Satu Sama Lain |
| 64 | Beribadah Bersama |
| 66 | Berkongsi Bersama |
| 68 | Pelayanan Untuk Sesama |
| 70 | Bekerja Bersama |

| | |
|------------|----------------------------|
| 73 | Ujian |
| 74 | Realiti Ujian |
| 76 | Ujian Melalui Keraguan |
| 78 | Ujian Melalui Godaan |
| 80 | Ujian Melalui Kegagalan |
| 82 | Ujian Melalui Kesakitan |
| 84 | Ujian Melalui Penganiayaan |
| | |
| 87 | Kemenangan |
| 88 | Yesus Adalah Raja |
| 90 | Kemenangan Itu Pasti |
| 92 | Hati Yang Benar |
| 94 | Mengatasi Kejahatan |
| 96 | Melawan Tekanan |
| 98 | Majulah Tentera Kristian |
| | |
| 101 | Melayani |
| 102 | Dipanggil Untuk Melayani |
| 104 | Kuasa Untuk Melayani |
| 106 | Melayani Di Gereja |
| 108 | Ke Dunia |
| 110 | Berkongsi Berita Baik |
| 112 | Pelayanan Seumur Hidup |
| | |
| 115 | Ketibaan |
| 116 | Di Jalan Menuju Syurga |
| 118 | Mengatasi Kehilangan |
| 120 | Menghadapi Kematian |
| 122 | Tindakan Ulangan |
| 124 | Selamat Pulang! |
| 126 | Permulaan Baru Kehidupan |

Pengenalan

Buku ini adalah untuk mereka yang bukan sahaja ingin “memahami” tetapi juga “menjalani” kehidupan Kristian dengan sepenuhnya. Ia adalah untuk para penjelajah iman, yang benar-benar ingin terlibat dan bertumbuh dalam kehidupan Kristian.

Untuk menjadi peserta dalam penjelajahan ini, kita perlu mengambil langkah pertama untuk bermula, dan tempat yang terbaik untuk memulakannya adalah pada titik permulaan! Tetapi bermula pada titik permulaan tidak bermaksud berhenti di situ. Kita mesti terus maju jika kita ingin mengetahui keseronokan sebenar mengambil bahagian dalam penjelajahan bersama Allah.

Kita mungkin akan melakukan banyak kesilapan semasa kita maju. Sesungguhnya, kesilapan yang kita lakukan itu sendiri akan menggalakkan kita untuk lebih bergantung kepada Tuhan, kerana kita menyedari bahawa Dia sedia dan sanggup untuk membantu kita. Kemajuan yang nyata dan berkekalan sentiasa menjadi hasil perkongsian dengan Allah.

Setiap bahagian dalam buku ini adalah seperti satu perjalanan. Bermula dengan bahagian yang pertama, kita terus bergerak melalui lapan bahagian kehidupan Kristian yang praktikal sehingga kita tiba pada bahagian yang terakhir: “Ketibaan”. Sembilan bahagian ini masing-masing mengandungi enam pelajaran yang lengkap (54 pelajaran) untuk dikaji secara peribadi atau kumpulan.

Kajian Peribadi

Bahan ini boleh digunakan sebagai pendamping Alkitab. Ia dapat digunakan sebagai rujukan kepada ajaran-ajaran Alkitab, dan pembelajaran Alkitab peribadi secara teratur. Ia mempunyai 54 pelajaran, dan jika satu bahagian utama dipelajari pada setiap minggu, seluruh bahan dalam buku ini akan dipelajari dalam tempoh masa lebih dari setahun. Dengan menggunakan satu rujukan Alkitab atau konkordans, setiap pelajaran boleh menjadi lebih panjang. Petikan-petikan yang diberikan dalam “Semak Alkitab” boleh bertindak sebagai satu titik permulaan penemuan Alkitab oleh pembaca sendiri. Melalui cara ini pandangan yang komprehensif bagi setiap tema dapat dibangun. Adalah berguna bagi anda untuk menyimpan buku catatan anda sendiri.

Kajian Kumpulan

Bahan dalam buku ini akan memiliki nilai yang istimewa di mana sahaja orang Kristian berkumpul bersama-sama. Kumpulan pengkajian Alkitab dari semua peringkat umur akan mendapat banyak manfaat daripada pengajaran yang akan mereka dapat bagi diri sendiri apabila mereka mengikuti garis panduan yang diberikan di sini. Ia juga terbukti bermanfaat untuk orang baru dalam iman Kristian yang teruja untuk mempelajari implikasi-implikasi praktikal kepercayaan mereka. Pemimpin kumpulan digalakkan untuk membuat persediaan yang berikut sebelum menggunakan bahan ini. Pertama, mereka harus mengenali petikan-petikan Alkitab yang disediakan, dan bersedia menggunakan bahan-bahan rujukan lain. Kedua, mereka harus membaca dengan teliti bahan pelajaran itu sendiri. Ketiga, mereka harus bersedia untuk menggunakan soalan-soalan ini sebagai asas bagi perbincangan, dan untuk menyediakan soalan-soalan lanjutan mereka sendiri.

Program Gereja

Para pemimpin gereja, pendeta, pastor dan guru akan mendapati bahan ini sebagai satu sumber rujukan yang sangat bernilai untuk bahan pelajaran semasa menyediakan program untuk gereja. Sebagai contoh, enam kajian itu boleh digunakan sebagai asas bagi khutbah Ahad atau pertemuan pertengahan minggu. Tajuk-tajuk ini dirancang untuk menunjukkan kebenaran Alkitab. Ia diharapkan dapat membantu para pengkhotbah dan guru-guru.

Sekolah-sekolah dan Kolej-kolej

Bahan pengajaran, petikan-petikan Alkitab dan soalan-soalan akan membantu untuk merangsang mereka yang terlibat dalam pendidikan agama, serta kumpulan perbincangan dan forum agama yang tidak formal. Ia boleh digunakan dalam kelas-kelas pemuridan dan perjumpaan mingguan persatuan agama Kristian di sekolah-sekolah dan kolej-kolej.

Sebelum Anda Bermula

1. Setiap kajian mempunyai empat bahagian yang membantu dalam mempertahankan kunci kebenaran yang dikemukakan.
2. Semua petikan dan rujukan Alkitab utama disediakan bersama setiap kajian supaya anda dapat melihat apakah sebenarnya firman Allah katakan tentangnya.
3. Setiap kajian utama akan diperkenalkan dengan “Kunci Kebenaran” dan disimpulkan dengan sebuah “Catatan Tambahan”. Sekali lagi, ini disediakan untuk membantu anda mempertahankan kebenaran-kebenaran yang penting.
4. Turut disertakan dalam setiap kajian adalah soalan-soalan (“Untuk Difikirkan”). Kita percaya ini akan benar-benar membantu, terutamanya untuk perbincangan kumpulan.
5. Selain daripada 54 pelajaran yang utama, terdapat juga “Ringkasan Alkitab”. Setiap ringkasan mengikuti kajian utama dan lengkap dengan sendirinya. Kami menggalakkan anda untuk melengkapkan kajian utama dengan melihat rujukan dan petikan Alkitab dalam “Ringkasan Alkitab”.

Kami berdoa agar Roh Allah akan membantu anda ketika anda berusaha untuk hidup dan bertumbuh sebagai seorang Kristian. Kehidupan Kristian adalah satu kemajuan, dan setiap hari membawa peluang yang baru untuk bertumbuh. Semoga buku ini menjadi satu panduan yang berguna dalam kita menjalani kehidupan Kristian.



1

Permulaan



Permulaan Apa Maksud Semua Ini?



Kunci Kebenaran

Menjadi orang Kristian terdiri dari satu hubungan peribadi yang erat dengan Allah, dan bukan sekadar mengikuti satu tata kelakuan yang tertentu.

Sebuah kehidupan yang dijalani bersama Allah

Ramai orang yang berfikir bahawa menjadi orang Kristian adalah berkenaan dengan menjalani kehidupan dalam satu cara yang tertentu: bersikap baik kepada orang lain, memberi kepada kebajikan, mengikuti kebaktian di gereja, dan tidak melakukan jenayah atau penipuan. Namun, Alkitab melihatnya dengan cara yang berbeza. Walaupun semua perkara ini adalah sebahagian daripada menjalani kehidupan sebagai seorang Kristian, inti patinya disebut “iman”. Itu bererti percaya kepada Allah secara peribadi, dan juga mempercayai kebenaran tertentu. Yesus mengeluh bahawa sesetengah orang beragama pada zaman-Nya terlalu terikat dengan hukum dan peraturan sehingga mereka mengabaikan hubungan mereka dengan Allah. Injil, atau berita baik, adalah bahawa orang biasa dapat mengenali Allah secara peribadi sekali lagi dan hidup selaras dengan-Nya.

Sebuah kehidupan yang diberikan oleh Allah

Sejak dunia bermula, manusia telah berusaha untuk mencari Allah dan telah mencipta pelbagai jenis cara untuk menyenangkan-Nya. Tetapi keseluruhan Alkitab menunjukkan betapa sia-sia semua percubaan ini. Kerana manusia menolak untuk mentaati perintah Allah, seluruh dunia kini dipisahkan daripada-Nya. Satu-satunya cara manusia dapat membina hubungan yang abadi dengan Allah adalah dengan menerima Yesus ke dalam kehidupan mereka. Dia adalah Anak Allah yang sempurna, yang menjadi manusia untuk menjelaskan tujuan Allah kepada dunia. Dan apabila Dia mati, Dia sendiri mengambil hukuman bagi pemberontakan manusia, dan membuka jalan bagi kita kepada Allah. Tiada seorang pun yang dapat mewujudkan hubungan yang baru dengan Allah untuk diri mereka sendiri. Dia telah pun melakukan segala yang perlu; cara-Nya hanya dapat diterima – atau ditolak.

Sebuah kehidupan yang bergantung pada Allah

Percaya kepada Yesus bukan seperti memakai tangkal bertuah. Ia bukan sekadar satu cara untuk berada di sebelah yang betul dengan Allah dan memastikan mendapat satu tempat di syurga. Menjadi seorang Kristian adalah tentang mempercayai Allah pada setiap masa. Ia melibatkan hubungan yang tetap erat dengan-Nya supaya kita menerima perintah-Nya dan melakukan apa yang Dia minta pada setiap hari. Ini dapat membawa satu dimensi yang baru dalam kehidupan kita. Tetapi kehidupan Kristian tidak selalunya mudah. Mengatakan “tidak” kepada perkara-perkara yang salah selalunya sukar. Menghadapi masalah yang tidak dijangkakan juga meremukkan kita. Tetapi Dia berjanji untuk menolong semua yang mengikuti Dia.

Sebuah kehidupan yang dijalani untuk Allah

Yang paling penting, menjadi seorang Kristian bermaksud hidup untuk Allah. Ada sebilangan orang yang memberikan segalanya kepada pekerjaan, kehidupan keluarga atau minat yang istimewa. Orang Kristian diseru untuk memberikan seluruh tenaga mereka untuk melayani dan menyenangkan Allah. Ini tidak bermaksud bahawa mereka diharapkan untuk menghentikan



Untuk Difikirkan

Buat satu senarai pelbagai sikap dan aktiviti yang berbeza yang sering dikaitkan dengan menjadi seorang Kristian.

- Yang mana satukah yang benar-benar penting, jika menjadi seorang Kristian adalah tentang mempunyai satu hubungan peribadi yang erat dengan Allah?
- Apakah ada hukum dan peraturan manusia? Mengapakah ini berbahaya?
- Fikirkan mana yang lebih mudah: mengikuti satu set peraturan, atau membina satu persahabatan. Sekarang fikirkan mana yang lebih *bermanfaat*. Mengapakah kita kadangkala cuba mengubah Kekristiana menjadi satu set peraturan?

Sahabat-sahabat kita sering kali mempunyai satu pengaruh yang penting dalam kehidupan kita.

apa yang mereka lakukan dan menjadi pengkhotbah atau misionaris! Setiap orang mempunyai bakat dan kebolehan yang Allah ingin mereka gunakan sepenuhnya, dengan penuh kasih dan perhatian. Dia mahu iman setiap orang mempengaruhi semua hubungan dan aktiviti mereka.



Semak Alkitab

Sebuah kehidupan yang dijalani bersama Allah

Yohanes 17:3; 2 Timotius 1:12

Sebuah kehidupan yang diberikan oleh Allah

Yohanes 14:6; Kisah Para Rasul 4:12

Sebuah kehidupan yang bergantung pada Allah

Lukas 9:23-25; Yohanes 15:1-5

Sebuah kehidupan yang dijalani untuk Allah

Matius 6:24; Yakobus 2:14-18



Catatan Tambahan

Alkitab tidak pernah memisahkan “iman” dari “perbuatan”. Iman dan perbuatan berjalan bersama. Jika anda menekankan satu daripada yang lain, anda mungkin mempunyai satu falsafah atau gaya hidup, tetapi anda tidak akan mempunyai Kekristianan yang sejati.

- Berapa pentingkah hubungan anda dengan Allah? Adakah Dia hanya sekadar seorang lagi sahabat, atau adakah hubungan dengan-Nya adalah yang terutama berbanding dengan yang lain?
- Bagaimanakah hubungan anda dengan Allah telah membentuk kehidupan anda?

Bersyukurlah kepada Allah kerana hubungan anda dengan-Nya benar-benar berasaskan kasih-Nya kepada anda, dan bukan kerana usaha anda sendiri untuk mendekati-Nya. Mintalah kepada Allah untuk mengampuni anda untuk masa-masa di mana anda membenarkan perkara-perkara lain menjadi lebih penting. Berdoalah agar Dia akan membantu anda bertumbuh dalam hubungan anda dengan-Nya.



Ringkasan Alkitab

Apa yang Telah Allah Lakukan

Alkitab menerangkan bagaimana manusia yang pertama mengenali Allah menolak untuk melakukan apa yang Dia minta. Sejak itu, umat manusia tidak lagi mematuhi hukum Allah. Oleh itu, manusia telah terputus hubungan dengan Allah dalam kehidupan ini, dan dihalang oleh kematian untuk menikmati kehidupan yang kekal di syurga (Efesus 2:1-3).

Satu gambaran harapan

Perjanjian Lama menceritakan bagaimana Allah menunjukkan kepada manusia cara bagaimana mereka dapat berhubungan dengan Allah sekali lagi. Dia menyuruh mereka untuk mematuhi hukum-Nya. Dan Dia mengatakan bahawa dosa mereka sangat serius sehingga satu-satunya penawar untuk itu adalah satu korban yang tidak bercela – seekor binatang pada masa itu – yang akan membawa hukuman mati bagi pihak mereka (Imamat 16:6-10). Tetapi itu hanyalah satu gambaran mengenai tindakan kasih Allah yang paling agung. Haiwan binatang tidak dapat memberikan penyelesaian yang kekal. Alkitab berkata: “Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal” (Yohanes 3:16).

Satu tindakan kasih

Yesus Kristus adalah satu-satunya peribadi yang pernah hidup tanpa berdosa. Bahkan para musuh-Nya juga tidak dapat mencari kesalahan-Nya. Dan Dia melihat kematian-Nya sebagai “tebusan bagi ramai orang” (Markus 10:45); orang yang tidak berdosa menderita hukuman yang dijatuhkan kepada orang yang berdosa. Yohanes Pembaptis menggelar-Nya, “Anak Domba Allah yang menghapuskan dosa umat manusia” (Yohanes 1:29). Tetapi kerana Dia adalah Allah dan juga manusia, Dia menaklukkan kematian dengan bangkit kembali dan berjanji bahawa semua orang yang menerima-Nya akan menerima hidup yang kekal (Yohanes 3:16). Kehidupan itu akan bermula sekaligus. Kehidupan yang kekal adalah mengenali Allah secara peribadi dan menikmati kehadiran-Nya untuk selama-lamanya (Roma 8:38-39).



Permulaan Satu Permulaan Baru

Kunci Kebenaran

Menjadi seorang Kristian adalah seperti memulakan satu kehidupan semula, dengan menyerahkan kawalan hidup kita kepada Yesus Kristus.

Melihat keperluan

Allah adalah Peribadi yang melampaui tahap imaginasi kita. Dia adalah Pencipta agung bagi segala yang ada, namun Dia juga mengetahui apakah yang difikirkan dan dirasakan oleh setiap individu. Dia juga adalah suci – Dia tidak boleh berbuat salah. Sebaliknya tiada seorang pun daripada kita yang sempurna. Kita tidak selalu mematuhi hukum Allah. Kita telah melakukan perkara-perkara yang walaupun hati nurani kita tahu adalah salah. Dan yang lebih penting, kita telah meminggirkan Allah daripada pemikiran kita. Akibatnya, kita telah terpisah daripada Allah oleh satu penghalang besar yang kita bina sendiri: keinginan diri, kepuasan diri dan keyakinan terhadap diri sendiri. Alkitab menyebut penghalang ini sebagai dosa: ia menghalang kita daripada mengenal Allah secara peribadi.

Memohon pengampunan kepada Allah

Tiada seorang pun daripada kita yang suka mengakui bahawa kita salah. Ia menjadi lebih sukar jika kita perlu mengakui bahawa seluruh hala tuju hidup kita selama ini telah jauh menyimpang – menuruti jalan kita dan bukannya jalan Allah. Tetapi kita tidak dapat mengenal Allah untuk diri kita sendiri tanpa terlebih dahulu memberitahu-Nya bahawa kita menyesal kerana telah mengabaikan Dia dan kerana perkara-perkara salah yang telah kita lakukan. Dan itu termasuk pemikiran dan kata-kata serta perbuatan kita. Mungkin kita juga perlu meminta maaf kepada orang lain yang pernah kita sakiti selama ini.

Mengatakan tidak kepada dosa

Kita sering mengajar kanak-kanak untuk meminta maaf apabila mereka berbuat salah, tetapi melihat mereka melakukan kesilapan dengan cara yang sama tidak lama selepas itu! Meminta maaf sahaja tidak mencukupi; kita juga harus menunjukkan bahawa kita bersungguh-sungguh. Allah mengetahui bagaimana

sebenarnya kita, dan kata-kata tidak akan memperbodohkan-Nya. Kita harus meletakkan semua dosa kita di belakang kita, dan berjanji kepada-Nya untuk tidak dengan sengaja menurut jalan kita lagi. Inilah yang disebut oleh Alkitab sebagai “pertaubatan”. Bagi sesetengah orang ini mungkin melibatkan perubahan yang sangat radikal dalam cara hidup mereka. Bagi orang lain perubahannya adalah lebih tersembunyi, dalam cara mereka berfikir dan berbicara. Allah berjanji akan membantu kita, walau apapun yang terlibat.

Mengatakan ya kepada Yesus

Yesus telahpun melakukan segala yang perlu untuk memulihkan hubungan kita dengan Allah dengan mati di kayu salib dan bangkit dari kematian. Dia menawarkan anugerah hidup yang kekal kepada sesiapa sahaja yang akan menerima-Nya. Tetapi kita tidak boleh separuh hati mengenainya. Kita tidak boleh meminta pengampunan dari Allah jika kita juga tidak bersedia untuk membenarkan-Nya mengambil alih kehidupan kita mulai sekarang.

Sekiranya anda tidak pernah memulai satu permulaan yang baru dengan Yesus, atau jika kehidupan Kristian anda menghadapi jalan buntu, anda boleh menggunakan doa yang sederhana



Untuk Difikirkan

Luangkan sedikit masa untuk berfikir tentang hala tuju hidup anda.

- Pada fikiran anda adakah hala tuju hidup anda menyenangkan Allah?
- Apakah yang dimaksudkan dengan “pertaubatan”? Apakah kesan yang seharusnya dibawa oleh pertaubatan ke atas hala tuju hidup anda?
- Pernahkah anda membuat satu permulaan baru dengan mengakui dosa anda kepada Allah dan menerima pengampunan-Nya? Jika belum, adakah anda bersedia untuk melakukannya sekarang?

Apabila kita melakukan satu permulaan yang baru, kita masuk ke dalam keluarga Allah untuk pertama kalinya. Alkitab memberikan kita tiga gambaran tentang perkara ini: kelahiran, pengangkatan dan kepulangan.

seperti ini: “Ya Allah, saya meminta maaf kerana saya telah meninggalkan Engkau dari hidup saya, dan berdosa terhadap Engkau dalam pemikiran, perbuatan dan perbuatan saya. Terima kasih kerana menghantar Yesus untuk mati di kayu salib supaya saya sendiri dapat mengenali Engkau. Ampuni dosa saya, dan berikan saya kuasa Roh-Mu untuk hidup bagi-Mu setiap hari sehingga Engkau datang membawa saya untuk bersama dengan-Mu selama-lamanya di syurga. Dalam nama Yesus, Amin.”



Semak Alkitab

Melihat keperluan

1 Yohanes 1:5-8; Roma 6:23

Memohon pengampunan kepada Allah

1 Yohanes 1:9-10; Mazmur 51:1-4, 10-12

Mengatakan tidak kepada dosa

Matius 4:17; Efesus 4:22-24

Mengatakan ya kepada Yesus

Wahyu 3:20; Matius 11:28-30



Catatan Tambahan

Yesus memanggil orang untuk mengikuti-Nya sebagaimana adanya, tanpa berusaha untuk memperbaiki diri mereka terlebih dahulu. Tetapi Dia juga mengatakan bahawa apabila mereka mula mengikuti-Nya, Dia sendiri akan mengubah mereka.

- Bagaimanakah gambaran ini berkaitan dengan hubungan anda sendiri dengan Allah?
- Apakah perkara yang baru dalam hidup anda sekarang selepas anda melakukan satu permulaan yang baru? Sudahkah anda membenarkan Yesus mengambil alih hala tuju kehidupan anda?

Bersyukurlah kepada Allah kerana Dia telah memungkinkan anda untuk menjadi sebahagian daripada keluarga-Nya. Akuilah kepada-Nya semua dosa yang anda ingin tinggalkan di belakang anda, dan mintalah kepada-Nya untuk memenuhi anda dengan Roh-Nya supaya anda dapat menjalani kehidupan yang baru.



Ringkasan Alkitab

Apa Yang Berlaku Apabila Anda Memulakannya

Terdapat beberapa gambaran dalam Alkitab yang menggambarkan apa yang berlaku apabila seseorang menerima Yesus dalam kehidupan mereka. Tiga daripadanya mempunyai satu persamaan: mereka merujuk kepada satu keluarga (lihat Efesus 2:19).

Satu peristiwa gembira

Gambaran yang pertama adalah seorang bayi lahir dalam sebuah keluarga. Apabila seseorang menerima Yesus sebagai Tuhan yang telah membersihkan dosa mereka dan membuka jalan kepada Allah, mereka telah “dilahirkan semula” (Yohanes 3:3). Mereka telah menjadi anak Allah yang sejati, kerana Roh Allah telah memberikan mereka kehidupan yang baru dan kekal (Yohanes 1:12-13). Seperti seorang bayi manusia, orang Kristian yang baru mempunyai banyak perkara untuk dipelajari dan mereka dapat dengan mudah melakukan kesilapan atau bahkan tersesat (1 Petrus 2:1-2).

Satu status baru

Gambaran yang kedua adalah pengangkatan, apabila seorang anak dari sebuah keluarga diterima sebagai anak sebenar dalam sebuah keluarga yang lain. Tiada seorang pun yang berhak menjadi ahli keluarga Allah. Secara semula jadi semua orang termasuk dalam kekuasaan iblis. Tetapi Allah telah mengangkat mereka yang percaya kepada Yesus ke dalam keluarga-Nya, menyambut mereka sebagai anak-anak-Nya sendiri (Roma 8:15-16).

Di mana kita berada

Akhirnya, terdapat gambaran yang terkenal tentang “kepulangan”. Dalam perumpamaan Yesus tentang anak yang hilang, anak yang memberontak memutuskan untuk pulang, menyesal kerana telah melarikan diri, mensiasikan kehidupannya dan menyebabkan keluarganya berasa malu (Lukas 15:11-32). Ayahnya (Allah) melihatnya dari kejauhan, pergi menemuinya dan menyambutnya pulang. Dosanya diampuni, dan keluarga itu meraikan kepulangannya.



Permulaan Satu Cara Hidup Baru

Kunci Kebenaran

Hidup sebagai orang Kristian bermaksud menikmati dan mengalami kehidupan dengan cara yang sama sekali baru.

Satu kehidupan baru

Sebelum Yesus Kristus memasuki hidup kita, kita adalah mati secara rohani – tidak dapat mengenali Allah dan meminta pertolongan-Nya. Tetapi setelah kita mengabdikan diri kepada-Nya, Dia berjanji akan membuat semuanya segar dan baru. Dia memberikan kualiti hidup yang baru yang terbuka kepada Allah dan kekal untuk selama-lamanya. Ini termasuklah harapan baru, kedamaian dan sukacita, serta kekuatan dan kesabaran untuk bertahan dalam kesukaran.

Ia juga mempunyai piawaian tingkah laku dan sikap yang baru. Tetapi semua perkara ini diberikan kepada kita oleh Allah, dan tidak dapat dihasilkan oleh usaha kita sendiri.

Satu hubungan baru

Bagi orang Kristian, Allah bukan lagi peribadi yang jauh dan tidak jelas. Dia adalah peribadi sebenar yang dapat dikenali, dikasih dan disembah. Dia seperti seorang sahabat baru, sentiasa bersedia untuk membantu dan menguatkan kita. Tetapi Alkitab biasanya menyebut-Nya “Bapa”, kerana seperti ayah terbaik dari manusia, Dia berjanji untuk menyediakan semua yang kita perlukan untuk melaksanakan tujuan-Nya. Kadang-kadang Dia akan menegur kita. Tetapi Dia tidak pernah membuli anak-anak-Nya. Dan bagi bahagian kita, akan memerlukan masa untuk mengenali-Nya dengan lebih baik.

Satu keluarga baru

Sekiranya seorang Kristian adalah satu-satunya anak kepada Bapa kita yang di syurga, hidup pasti akan sangat sunyi. Tetapi hakikatnya kita dilahirkan dalam keluarga Allah yang terdapat di seluruh dunia. Di setiap kota dan daerah kita mempunyai “saudara” dan “saudari” yang mengasihi Bapa. Keluarga ini secara umumnya dikenali sebagai gereja. Ia mungkin adalah besar atau kecil dalam satu situasi lokal, dan seperti keluarga manusia, ia tidak selalunya sempurna. Tetapi ia mempunyai fungsi-fungsi yang penting.

Ia wujud untuk membantu setiap orang Kristian untuk bertumbuh dalam iman. Allah telah menyediakannya supaya kita dapat memperoleh sokongan dan galakan yang kita perlukan.

Seorang sahabat baru

Ketika Yesus berada di bumi, para pengikut-Nya bersedih apabila Dia memberitahu akan meninggalkan mereka. Tetapi Dia berjanji akan menghantar “Penghibur” (Roh Kudus) untuk bersama mereka. Roh Kudus adalah Allah yang aktif dalam kehidupan Kristian. Dia menunjukkan Yesus kepada kita dan menolong kita untuk memahami Alkitab dan berbicara kepada Allah dalam doa. Dia menunjukkan apa yang salah dalam hidup kita, dan memberikan kekuatan untuk memperbetulkannya. Dan Dia berjanji akan memberi kita kemampuan untuk menolong orang Kristian yang lain, menggunakan kekuatan Allah, bukannya kekuatan kita sendiri.



Untuk Difikirkan

Kehidupan Kristian adalah satu cara hidup yang baru kerana Allah kini hidup dalam hubungan dengan kita sebagai Bapa, Anak dan Roh Kudus.

- Apakah maksudnya untuk memanggil Allah “Bapa”? Bagaimanakah bapa manusia sama seperti Allah Bapa kita? Apakah perbezaan mereka?
- Apakah peranan Yesus dalam hidup anda?
- Menurut anda adakah Roh itu penting dalam kehidupan Kristian anda? Kenapa Dia harus begitu?
- Mengapakah hubungan baru kita dengan Allah mengubah segalanya?

Ramai orang di serata dunia juga berkongsi hubungan ini dengan Allah melalui Yesus Kristus dan Roh Kudus.



Semak Alkitab

Satu hidup baru

2 Korintus 5:17-18; Kolose 3:12-17

Satu hubungan baru

Yohanes 14:23; 1 Petrus 5:7

Satu keluarga baru

1 Petrus 2:9-10; Efesus 2:19-22

Seorang sahabat baru

Yohanes 14:26; 1 Korintus 12:4-11



Catatan Tambahan

Kehidupan yang baru adalah satu anugerah dari Allah. Seseorang hanya membenarkan Dia melakukan perubahan kecil dalam kehidupan mereka, tetapi Yesus mahu mengubah kita sampai tuntas.

- Bagaimanakah kita harus berfikir tentang orang lain ini? Adakah mereka hanya sahabat, atau adakah kita mempunyai hubungan yang lebih dekat dengan mereka?
- Mengapa penting bahawa kita tergolong dalam keluarga orang percaya di seluruh dunia?

Bersyukurlah kepada Allah untuk sukacita cara hidup yang baru dengan-Nya dan dengan orang percaya yang lain. Berdoa agar anda dipenuhi dengan Roh-Nya untuk melengkapkan anda bagi hidup yang baru ini.



Ringkasan Alkitab

Kesempurnaan Allah

Apabila kita menggambarkan apa yang Allah lakukan untuk kita, kita menggunakan nama-nama yang berbeza untuk-Nya: Bapa, Anak (Yesus), dan Roh Kudus. Kadang-kadang orang tersalah sangka bahawa mereka adalah tuhan yang berbeza, atau bahawa hanya satu yang mempunyai kaitan dengan kita pada hari ini. Hakikatnya, Allah menjelaskan diri-Nya sebagai tiga “peribadi”. Masing-masing adalah Allah sepenuhnya, tetapi mempunyai fungsi yang berbeza. Tetapi apabila kita berbicara tentang Allah “dalam” kehidupan seorang Kristian, ketiga-tiga peribadi adalah terlibat (Yohanes 14:23).

Kristus dalam dirimu

Yesus, Anak Allah, hidup di dalam kita sejak kita menerima-Nya sebagai Tuhan yang menghapuskan dosa kita dan memberi kita kehidupan yang kekal (Kolose 1:27). Dia berjanji tidak akan meninggalkan kita (Ibrani 13:5).

Dipenuhi dengan Roh

Roh Kudus juga memasuki kehidupan kita pada masa yang sama (Efesus 1:13-14). Tetapi Alkitab juga berbicara mengenai masa-masa lain dalam hidup seorang Kristian semasa Dia “memenuhi” seseorang, biasanya ketika mereka berhadapan dengan satu tugas yang istimewa (misalnya Kisah Para Rasul 4:31). Walau bagaimanapun, kita harus sentiasa dipenuhi dengan Roh, hidup-Nya mengalir masuk dan keluar dari kita kepada orang lain (Efesus 5:18). Apabila kita secara khusus memerlukan berkat Roh untuk membantu kita menyembah dan melayani Allah, Yesus memberitahu kita untuk meminta dari Bapa dan kita akan diberi kuasa Roh Kudus (Lukas 11:13). Tetapi Dia tidak pernah memberikan kuasa-Nya sebelum ia digunakan. Dan ada kalanya Dia tidak dapat memenuhi kita kerana dosa (Efesus 4:30).



Permulaan Janji-janji Allah



Kunci Kebenaran

Allah berjanji akan membantu kita dalam pelbagai cara, dan Dia tidak akan mengingkari kata-kata-Nya.

Janji Keselamatan

Kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada hari esok. Kita mungkin akan menghadapi keadaan yang sama sekali baru: kemiskinan atau kekayaan; penyakit atau tragedi; keputusan-keputusan yang sukar; peluang-peluang yang tidak disangkakan; perubahan dalam hubungan. Kerana kehidupan ini tidak pasti, kita sering kali tergoda untuk mencari rasa keselamatan dalam objek-objek atau orang yang kita sudah kenali. Tetapi mereka juga boleh berubah. Hanya Allah yang dapat memberikan keselamatan yang sempurna. Dia berjanji tidak akan melepaskan anak-anak-Nya. Dia tidak akan pernah meninggalkan kita walaupun kita melupakan-Nya. Dia memegang kita dengan erat dalam kasih-Nya sepanjang hidup ini, dan seterusnya.

Janji Sokongan

Kita sangat menyedari tentang perlunya pertolongan Allah apabila kita berhadapan dengan kesukaran atau godaan. Tetapi jika kita ingin melakukan semua yang Allah kehendaki, kita harus selalu bersandar pada kuasa-Nya. Hakikatnya, kita memerlukan sokongan-Nya sama seperti ketika hidup berjalan lancar. Namun mudah untuk melupakannya, dan mengecewakan-Nya dengan sesuatu yang kita lakukan atau katakan. Allah menjanjikan pertolongan-Nya pada setiap masa. Tetapi Dia tidak pernah berjanji untuk tidak mengetepikan masalah kita. Sebenarnya, masalah-masalah sering menjadi peluang-peluang untuk kita mengalami dan menunjukkan kuasa-Nya.

Janji Petunjuk

Bagi ramai orang, perjalanan hidup ini seperti tersandung di dalam hutan yang gelap. Sukar untuk mencari jalan yang paling bermanfaat. Kerana Allah mengenali kita dan juga keadaan-keadaan dalam hidup kita secara terperinci, Dia berjanji untuk menunjukkan kita perkara yang betul untuk dilakukan pada setiap langkah di sepanjang perjalanan itu. Dia juga mempunyai satu tujuan yang istimewa untuk setiap orang,

dan Dia berjanji akan memimpin kita kepada tujuan itu. Oleh itu semasa kita menuju kepada hala tuju yang telah disediakan-Nya, kita mengalami satu keharmonian yang baru dengan-Nya.

Janji Kehadiran-Nya

Kadang-kadang orang Kristian merungut bahawa kehidupan para pengikut Yesus yang pertama pastinya jauh lebih mudah berbanding dengan sekarang, kerana mereka boleh melihat dan menyentuh Tuhan mereka. Tetapi hakikatnya, ia jauh lebih sukar. Yesus hanya dapat berada di satu tempat pada satu masa. Sekarang Dia berjanji untuk bersama dengan setiap orang yang mengasihi dan melayani-Nya di mana-mana sahaja. Kita mungkin tidak selalu merasakan Dia dekat dengan kita, tetapi Alkitab tidak pernah meragukannya. Yesus berkata, "Aku akan sentiasa bersamamu, hingga ke akhir zaman" (Matius 28:20). Dia tetap ada untuk membantu, mengajar dan membimbing kita.



Untuk Difikirkan

Buat satu senarai beberapa janji Allah yang anda temukan dalam Alkitab.

- Adakah Allah memegang janji-janji-Nya? Adakah terdapat alasan mengapa anda boleh mempercayai bahawa Dia melakukannya? Adakah ada janji-janji yang telah Dia tunaikan dalam hidup anda?
- Adakah anda mendapati lebih mudah untuk mempercayai janji-janji Allah ketika dalam kesusahan atau ketika masa-masa senang?
- Apakah yang menghalang anda daripada bergantung kepada Allah? Adakah anda fikir Dia akan mengecewakan anda, atau adakah anda lebih suka mengawal kehidupan anda sendiri?
- Bagaimanakah anda harus meresponi janji-janji Allah?



Semak Alkitab

Janji keselamatan

Yohanes 6:37-39; Roma 8:38-39

Janji sokongan

Matius 11:28-30; Filipi 4:11-13

Janji petunjuk

Mazmur 32:8; Yesaya 30:21

Janji kehadiran-Nya

Mazmur 139:7-12; Matius 28:19-20



Catatan Tambahan

Manusia akan sering kali mengingkari janji-janji mereka kerana mereka lemah dan tidak sempurna; Allah tidak akan mengingkari janji-janji-Nya kerana Dia maha kuasa dan sempurna.

Fikirkan tentang situasi-situasi yang anda hadapi dalam hidup anda pada saat ini.

- Bolehkah anda fikirkan mana-mana janji Allah yang sangat relevan?
- Bagaimanakah kepercayaan kepada Allah untuk menepati janji-janji ini mengubah cara hidup anda? Bagaimanakah ia akan mengubah cara anda berdoa?

Bersyukurlah kepada Allah kerana Dia selalu menepati janji-Nya, walaupun sukar bagi anda untuk melihat bagaimana Dia akan melakukannya! Bersyukurlah kepada-Nya kerana Dia sentiasa bersama anda. Katakan kepada Allah bahawa anda sanggup untuk bergantung pada janji-janji-Nya pada hari ini.



Ringkasan Alkitab

Allah Memegang Kata-kata-Nya

Sesetengah orang akan berjanji apa sahaja tetapi tidak akan melakukan apa yang mereka katakan. Allah tidak seperti itu. Dia tidak boleh mengubah fikiran-Nya dan membiarkan kita kecewa. Dalam Perjanjian Lama Dia dikenali sebagai Allah yang membuat janji-janji yang serius (atau “perjanjian”) dan menepati janji-Nya (Ulangan 7:9).

Janji-janji bermata dua

Tetapi seperti yang diketahui oleh bangsa Israel tidak lama kemudian, janji-janji Allah adalah bermata dua. Kita hanya dapat menikmati semua yang diberikan-Nya jika kita terus taat kepada-Nya (Ulangan 7:10-11). Sebilangan janji-janji-Nya, tentu saja, tidak terpengaruh oleh dosa kita. Dia tidak merampas kehidupan kekal dari orang Kristian apabila mereka tidak taat kepada-Nya (Yohanes 6:39). Walau bagaimanapun, kebenarannya adalah untuk memberi inspirasi kepada kita untuk mencintai pengabdian, bukan menggalakkan kita untuk cuai. Allah sangat pemurah sehingga Dia mengasihi kita walaupun kita mengabaikannya (Roma 6:1-4).

Tiga janji yang istimewa

Alkitab menekankan tiga janji Allah yang istimewa ini:

- Dia berjanji kepada Nuh bahawa Dia tidak akan memusnahkan bumi lagi dengan banjir kerana kemurkaan-Nya atas dosa manusia (Kejadian 9:15).
- Dia berjanji bahawa Abraham akan menjadi bapa kepada banyak bangsa, dan akan mempunyai hubungan istimewa yang rapat dengan Allah. Dan dalam meyakini janji itu Abraham menunjukkan apakah maksud sebenar iman (Kejadian 17:7-8).
- Dan Dia membuat “perjanjian yang baru” dengan gereja Kristian melalui kematian Yesus: bahawa Dia akan menjadi Allah kita dan kita akan menjadi umat-Nya untuk selama-lamanya (Ibrani 8:6-13).



Permulaan Pertolongan Allah



Kunci Kebenaran

Allah telah menyediakan empat cara yang istimewa di mana kita dapat menerima pertolongan-Nya.

Pertolongan melalui doa

Kita sering mempunyai banyak persoalan untuk ditanyakan kepada Allah. Doa adalah cara di mana kita dapat memberitahu-Nya bagaimana perasaan kita, apa keperluan kita, serta berkongsi dengan-Nya masalah-masalah dan peluang-peluang yang kita hadapi. Alkitab memberitahu kita bahawa Allah sentiasa bersedia untuk mendengar doa-doa kita, dan gemar untuk menjawabnya. Tetapi ada kalanya kita meminta perkara-perkara yang akan menjauhkan kita daripada tujuan-tujuan-Nya, dan kerana itu Allah tidak memberikannya. Kita mungkin mempunyai sangat banyak permintaan sehingga kita tidak pernah berhenti bertanya apa yang sebenarnya Dia inginkan. Dan Dia sering menunggu kita untuk meminta sebelum memberikan apa yang kita perlukan, kerana hanya apabila kita meminta dengan rendah hati, kita bersedia untuk menerimanya dengan bersyukur.

Pertolongan melalui Alkitab

Hubungan kita dengan Allah adalah sentiasa dua hala. Kita berbicara dengan-Nya dalam doa, dan salah satu cara Dia berbicara kepada kita adalah melalui Alkitab (kadang-kadang disebut sebagai “firman-Nya”). Para penulis Alkitab dipimpin oleh Allah ketika mereka menulis pengalaman mereka tentang Dia dan kebenaran-kebenaran yang dinyatakan-Nya. Apa yang Allah inginkan kita ketahui mengenai-Nya dan bagaimana cara untuk hidup untuk-Nya terkandung dalam Alkitab. Dan Roh Kudus akan menjadikannya hidup bagi kita dan menerapkannya pada keadaan kita, jika kita mencari pengertian-Nya.

Pertolongan dari umat Allah

Kita telah melihat bahawa Allah telah menjadikan kita ahli dalam keluarga-Nya. “Saudara” dan “saudari” kita dalam Kristus mempunyai anugerah yang istimewa dan pengertian khusus yang Allah gunakan untuk menolong kita. Sebenarnya, Dia bermaksud bahawa kita harus saling bergantung seperti kita bergantung

kepada-Nya, kerana kita semua kekurangan kebijaksanaan.

Ada orang akan dapat membantu kita memahami kebenaran Allah dan Alkitab dengan lebih baik. Yang lain dapat memberi nasihat tentang masalah kita. Kita dapat berbicara dan berdoa bersama mereka, dan belajar bersama-sama dari Alkitab, berkongsi semua yang Allah ingin tunjukkan kepada setiap daripada kita. Dan adalah satu idea yang baik untuk berbicara dengan orang Kristian yang lain sebelum membuat keputusan-keputusan penting, untuk menerima nasihat dan sokongan.

Pertolongan melalui ibadah

Penyembahan berlaku apabila sekumpulan orang Kristian berkumpul bersama-sama untuk menyatakan kasih dan kesyukuran kepada Allah atas siapakah Dia dan semua yang telah dilakukan-Nya. Mereka mungkin bernyanyi dan bahkan berseru; mereka mungkin mendedikasikan diri dan berfikir. Dan, tentu saja, kita boleh menyembah Allah dengan cara kita sendiri, sambil memikirkan tentang kasih-Nya kepada kita. Memuji Tuhan menolong kita dalam dua cara. Pertama, ia mengingatkan kita betapa besarnya Dia. Perkara-



Untuk Difikirkan

Kita memerlukan pertolongan Allah setiap masa, jadi keempat-empat cara untuk menerima pertolongan-Nya ini bukan hanya untuk peristiwa-peristiwa yang istimewa! Fikirkan bagaimana anda dapat membinanya dalam kehidupan seharian anda.

- Berapa banyak masa yang anda luangkan dalam berdoa? Adakah anda meluangkan masa dan ruang yang cukup dari gangguan supaya anda dapat terbuka dengan Allah? Bagaimanakah doa membantu anda?
- Bagaimanakah Alkitab dapat membawa pertolongan Allah? Haruskah ia mempengaruhi cara anda membaca Alkitab?
- Adakah anda mengakui pertolongan yang dapat diberikan oleh orang Kristian lain kepada anda? Mengapakah ia salah untuk menjadi orang Kristian bersendirian?

perkara yang membimbangkan kita justeru itu akan kelihatan kecil, dan keyakinan kita bertumbuh dalam kemampuan Allah untuk menanganinya. Kedua, ia membuka kita kepada Roh Kudus, menjadikan kita lebih mampu mendengar dan mentaati-Nya, dan menerima kuasa-Nya.



Semak Alkitab

Pertolongan melalui doa

Yohanes 16:24; Matius 7:7-11

Pertolongan melalui Alkitab

2 Timotius 3:16-17; Yohanes 16:12-15

Pertolongan dari umat Allah

Efesus 4:11-14; Roma 12:4-8

Pertolongan melalui ibadah

Kisah Para Rasul 4:31; Mazmur 29:1-4, 10-11



Catatan Tambahan

Buat satu senarai untuk semua perkara yang kerananya anda dapat memuji Allah, kemudian pujilah Dia!

- Mengapakah ibadah itu penting? Adakah anda membenarkan diri anda benar-benar menyembah Allah, atau adakah anda selalu berfikir mengenai masalah-masalah yang anda perlukan bantuan?

Luangkan masa untuk membawa hidup anda di hadapan Allah dalam doa. Mintalah Dia untuk berbicara kepada anda melalui Alkitab, dan melalui orang Kristian yang lain. Sembahlah Dia kerana kebaikan dan penjagaan-Nya



Ringkasan Alkitab

Semua Orang Mempunyai Keperluan

Bahkan Yesus sendiri, para pengikut terdekat-Nya dan semua watak yang hebat dalam Alkitab, perlu menggunakan doa, Kitab Suci, “persekutuan” dengan umat Allah dan ibadah, untuk menjaga keharmonian mereka dengan Allah.

Doa sering mendahului peristiwa-peristiwa yang penting. Yesus berdoa sepanjang malam sebelum memilih dua belas orang rasul-Nya (Lukas 6:12-13). Dan mereka serta rakan-rakan akrab mereka “mengabdikan diri” untuk berdoa selepas Yesus meninggalkan bumi, sebelum Roh Kudus memenuhi mereka dengan kuasa pada Hari Pentakosta (Kisah Para Rasul 1:14).

Senjata untuk peperangan

Yesus menggunakan Kitab Suci sebagai satu senjata untuk melawan godaan yang licik dan hebat yang Dia terima di padang gurun sebelum Dia memulakan pelayanan umum-Nya (Matius 4:3-11). Pemazmur mengatakan bahawa untuk menjalani kehidupan yang suci adalah dengan menyimpan firman Allah dalam hati supaya dia boleh memetikinya pada masa ia diperlukan (Mazmur 119:11).

Saling menjaga

Paulus sering menulis dengan penuh rasa berterima kasih untuk segala bantuan yang diterimanya daripada orang Kristian yang lain (misalnya Kolose 4:7-11). Alkitab mencatat cara-cara di mana umat Allah saling menjaga. Itu adalah penjagaan yang kadang-kadang bermaksud untuk menegur dan mencabar, serta saling memberi semangat. Manakala penyembahan pula tampaknya merupakan satu keinginan dan hal yang wajar untuk dilakukan (misalnya Kisah Para Rasul 20:7) sehingga hanya dalam keadaan-keadaan yang tertentu sahaja ia diperintahkan (Ibrani 10:24-25).



Permulaan Satu Kehidupan Kekal

Kunci Kebenaran

Kehidupan Kristian tidak pernah berhenti; selalu ada lebih banyak yang perlu dipelajari, dan syurga yang dinanti-nantikan.

Sebuah kehidupan yang penuh sukacita

Yesus menjanjikan kepada para pengikut-Nya dua perkara yang diinginkan oleh semua orang tetapi hanya sedikit yang akan menemuinya: kedamaian dalaman dan sukacita. Tiada satu pun yang bergantung pada kehidupan yang mudah. Sebaliknya, mereka berpunca dari keyakinan bahawa Bapa kita yang pengasih mengendalikannya, walau apapun yang berlaku. Sukacita Kristian adalah rasa kesyukuran untuk penjagaan dan kasih Allah. Kita tidak lagi terikat dengan dosa kita tetapi bebas untuk menjadi orang yang Dia kehendaki. Kita benar-benar mempunyai sesuatu untuk diraikan! Walau bagaimanapun, sukacita adalah anugerah dari Allah, dan bukannya sesuatu yang kita boleh hidupkan atau hasilkan dengan cara-cara tertentu. Dan ia selalu berfokuskan kepada-Nya, bukan satu perasaan untuk dinikmati sendiri.

Sebuah kehidupan yang bertumbuh

Kehidupan Kristian hanya bermula apabila seseorang itu menjadi ahli baru dalam keluarga Allah. Sama seperti seorang anak manusia yang mempunyai banyak perkara untuk dipelajari, dan mengambil masa yang panjang untuk mempelajarinya, demikian jugalah bagi seorang anak Allah. Sentiasa ada sesuatu yang baru untuk dipelajari tentang Allah dan jalan-Nya. Kitab Suci memberitahu kita untuk mengusahakan kesempurnaan – yang merupakan satu perjalanan yang panjang! Bertumbuh dalam iman boleh menjadi sesuatu yang mengujakan, serta sebuah pengembaraan yang memerlukan ketekunan. Kadang-kadang kita hanya akan bertumbuh lebih seperti Yesus apabila kita menghadapi kesukaran dan menerapkan iman kita kepada-Nya, seperti yang dilakukan-Nya. Tetapi Dia juga berjanji untuk memperbaharui sifat kita yang lama dan berdosa, supaya kita dapat terus maju dalam kehidupan Kristian kita.

Sebuah kehidupan yang memberi

Iman Kristian tidak dimaksudkan untuk disimpan bagi diri kita sendiri. Para pengikut Yesus yang

pertama tidak berhenti memberitahukan orang lain tentang apa yang Allah telah lakukan bagi mereka. Kita mempunyai sesuatu untuk diberikan kepada orang lain – “injil” atau “berita baik” – yang mengubah kehidupan, sikap dan hubungan manusia. Kita juga mempunyai sesuatu untuk dikongsikan dengan orang lain: kasih dan keprihatinan, anugerah dan kebolehan yang baru, kepemilikan kita – apa-apa sahaja yang akan membantu membangun iman orang lain dan melayani keperluan mereka. Hanya apabila kita memberi dalam iman, kita akan bertumbuh di dalamnya.

Sebuah kehidupan yang abadi

Ada orang Kristian ditertawakan sebagai “terlalu berfikiran syurgawi sehingga tidak dapat digunakan di dunia”. Kita tidak dijadikan hanya untuk tidak berguna. Rumah kita yang sesungguhnya adalah syurga, tetapi kaki kita harus teguh di atas bumi. Tetapi hakikatnya, kadang-kadang kita tidak cukup berfikiran syurgawi. Kita telah dijanjikan kehidupan kekal di syurga bersama Yesus untuk selama-lamanya. Itu dimaksudkan untuk memberi inspirasi dan mendorong kita dalam kehidupan kita sekarang. Kita tahu bahawa kematian bukan pengakhiran



Untuk Difikirkan

Fikirkan tentang kehidupan kekal yang Allah janjikan untuk diberikan kepada umat-Nya.

- Adakah “kehidupan kekal” merujuk kepada masa hadapan? Atau masa kini? Atau keduanya? Bagaimanakah kehidupan Kristian anda yang sekarang berkaitan dengan masa hadapan yang Allah telah janjikan?
- Adakah perkara-perkara yang anda lakukan sekarang mempunyai kepentingan kekal?
- Apakah aspek dalam kehidupan anda pada hari ini yang akan menjadi sebahagian daripada kehidupan di kerajaan Allah yang akan datang? Aspek apakah yang tidak akan jadi sebahagian daripadanya?
- Menurut anda adakah seorang Kristian perlu berusaha untuk menjadi sempurna, seperti Yesus?

bagi kita. Kita tidak mempunyai apa-apa yang harus ditakuti untuk masa hadapan. Kita mempunyai harapan, dan kita tidak akan kecewa di tempat yang indah yang Allah telah sediakan bagi kita.



Semak Alkitab

Sebuah kehidupan yang penuh sukacita

Yohanes 15:11; Mazmur 95:1-7

Sebuah kehidupan yang bertumbuh

Filipi 3:12-16; Efesus 4:13-14

Sebuah kehidupan yang memberi

Yohanes 13:34-35; Lukas 6:38

Sebuah kehidupan yang abadi

Wahyu 22:1-5; Filipi 1:21-24



Catatan Tambahan

Yesus berkata bahawa kehidupan Kristian adalah satu jalan yang sempit, jika dibandingkan dengan jalan memuaskan diri yang luas yang diikuti oleh ramai orang. Tetapi jalan-Nya membawa kepada kehidupan yang berlimpah sekarang dan selama-lamanya.

- Di bahagian manakah dalam kehidupan anda yang anda tahu perlu bertumbuh?
- Ciri-ciri Kristian manakah yang anda perlu kembangkan? Adakah anda perlu menjadi lebih ceria? Atau lebih memberi?

Berterima kasih kepada Allah kerana kasih-Nya untuk anda tidak akan pernah putus – dan bahawa hubungan anda dengan-Nya akan berterusan dalam ciptaan Allah yang baru. Mintalah pertolongan Roh Kudus untuk menjadi lebih seperti Yesus, supaya anda akan menjalani jenis kehidupan seperti yang Allah mahu anda miliki di kerajaan-Nya yang kekal!



Ringkasan Alkitab

Berapa Sempurna Anda Boleh Capai?

Yesus memberitahu para pengikut-Nya bahawa mereka harus menjadi orang Kristian yang “sempurna” (atau dewasa) (Matius 5:48). Walaupun firman Allah menjanjikan pengampunan bagi dosa-dosa yang telah dilakukan oleh orang Kristian, namun ia tidak mengharapkan mereka melakukannya secara tidak peduli (1 Yohanes 2:1-2). Yesus sendiri adalah sempurna, dan kita harus mengikuti teladan-Nya (1 Petrus 2:21-23). Tetapi kita tidak serta-merta menjadi sempurna apabila kita menerima Yesus, walaupun dosa kita dihapuskan dan tidak lagi menjadi penghalang antara kita dan Allah. Kehidupan-Nya memasuki kita, kuasa-Nya tersedia bagi kita, dan kita perlu belajar untuk menggunakannya. Ini mengambil masa, dan kita akan melakukan kesilapan (Yakobus 3:1-2).

Menjadi sempurna

Alkitab memberitahu kita untuk menjadi sempurna dengan mentaati kehendak Allah (1 Petrus 1:14-16). Semasa kita melakukannya, kita akan menjadi lebih mahir dalam memahami dan mengetahui apa yang Allah ingin kita lakukan (Ibrani 5:12-14). Kadang-kadang kita akan merasa kecewa, kerana sifat manusia kita sendiri, yang masih mengekalkan ketidaksempurnaan dan batasannya, tidak pernah berjaya menjadi baik atau berbuat seperti Roh Allah di dalam kita menggesa kita untuk melakukannya. Terdapat pertempuran yang berlaku di dalam kita antara yang lama dan yang baru (Roma 7:15-25).

Berjuang melawan kejahatan

Dan ada pertempuran melawan kejahatan juga, apabila kita digoda, diejek dan diganggu oleh kuasa-kuasa kejahatan yang kadang-kadang datang dari pihak yang paling mengejutkan (Efesus 6:12-13). Tetapi umat Allah dijanjikan kemenangan atas mereka (1 Yohanes 5:4-5).





4

Menemukan

Family M & M
They Will Go on Things Like
John 10 : 35



Menemukan Menemukan Satu Hidup Baru



Kunci Kebenaran

Kehidupan Kristian adalah seperti satu perjalanan di mana terdapat banyak perkara untuk ditemukan

Perjalanan menuju kehidupan

Ketika Yesus pertama kali memanggil sekumpulan dua belas orang (dikenali sebagai para rasul) untuk mengikuti-Nya, mereka benar-benar memulakan satu perjalanan bersama-Nya. Bersama-sama, mereka mengembara sekeliling negeri mereka, untuk mengajarkan kebenaran Allah kepada semua orang yang akan mendengar. Yesus menggunakan gambaran sebuah perjalanan untuk menggambarkan kehidupan Kristian. Dia berkata itu seperti berpaling daripada perjalanan diri yang luas dan mudah yang menjauhkan diri dari Allah. Sebaliknya, perjalanan Kristian adalah laluan yang sempit dan curam. Ia mempunyai banyak halangan dan kadang-kadang sangat sukar untuk dilalui. Tetapi ia membawa kepada kehidupan yang baru: sebuah kehidupan yang dijalani dengan harmoni bersama Allah, yang penuh dengan sukacita dan penemuan yang baru, yang melampaui kematian.

Pendamping yang berterusan

Orang Kristian tidak pernah berjalan sendiri. Bahkan apabila kita berasa keseorangan – mungkin apabila kita adalah satu-satunya orang Kristian di suatu tempat di mana orang lain adalah musuh kepada iman kita – Allah sentiasa ada. Dia berjanji tidak akan meninggalkan kita. Dia akan menunjukkan kepada kita apa yang Dia mahu kita lakukan, dan bagaimana untuk melakukannya. Dia adalah seperti pembimbing yang pakar. Dia mengetahui cara untuk menghadapi kesukaran yang ada di hadapan. Dia mempunyai banyak perkara baru untuk ditunjukkan dan mengajar kita ketika kita mengikuti-Nya ke dalam jenis kehidupan yang mahu kita lalui.

Baru setiap pagi

Dari masa ke masa, sejak zaman gereja awal, orang telah mendakwa bahawa Allah telah memberi mereka ajaran yang sama sekali baru. Mereka menawarkan versi Kekristianan yang baru dan yang lebih baik. Mereka membenarkan

sesuatu yang sebelum itu dilarang dalam Alkitab, atau mereka berkeras agar ada budaya yang ditambahkan ke dalam injil sebelum seseorang dapat sepenuhnya dikenali sebagai seorang Kristian. Tetapi mereka selalu salah. Tujuan Allah bagi umat-Nya, dan pengajaran-Nya, tidak pernah berubah. Demikian jugalah hukum-Nya, atau cara iman yang sederhana kepada Yesus yang melaluinya kita datang kepada-Nya. Namun begitu, kebenaran-Nya adalah sentiasa segar. Ia tidak pernah menjadi basi, dan datang kepada kita “baru setiap pagi”. Kerana Yesus itu hidup, Dia akan sentiasa melakukan perkara-perkara yang baru dalam diri kita dan untuk kita.

Saya tahu ke mana saya pergi

Sesetengah orang yang benar-benar menyedari betapa agungnya Allah akan mendapati sukar untuk memahami bahawa Dia mengambil berat tentang butiran dalam hidup mereka. Tetapi Dia memang hebat! Dia bukan sahaja mengampuni dosa kita dan memberikan kita kehidupan kekal, tetapi Dia juga mempunyai tujuan khusus untuk kita dalam kehidupan ini. Ini bermaksud laluan yang kita lalui dalam “perjalanan menuju kehidupan” kita telah disediakan oleh Allah. Kehidupan bukan sekadar satu rantaian



Untuk Difikirkan

Fikirkan satu masa ketika anda dalam perjalanan menuju ke satu tempat yang baru.

- Adakah anda teruja untuk pergi ke suatu tempat yang baru? Apakah perasaan anda tentang meninggalkan tempat yang tidak asing bagi anda?

Kehidupan Kristian adalah seperti itu. Walaupun orang Kristian meninggalkan banyak perkara, namun mereka mempunyai perjalanan yang mengujakan di hadapan mereka.

- Bagaimanakah ia membuat satu perbezaan untuk memahami iman sebagai sebuah perjalanan, dan bukannya ketibaan di satu destinasi?
- Bagaimanakah anda dapat memastikan bahawa anda sedang melakukan perjalanan

kebetulan; terdapat rancangan untuk itu. Rancangan itu sentiasa baik, walaupun ia tidak selalunya mudah.



Semak Alkitab

Perjalanan menuju kehidupan

Matius 7:13-14; Yohanes 10:9-10

Pendamping yang berterusan

Mazmur 23; Efesus 3:14-21

Baru setiap pagi

Pengkhotbah 1:9; Ratapan 3:22-23; Galatia 1:6-9

Saya tahu ke mana saya pergi

Efesus 2:10; Roma 12:2; Ibrani 13:20-21



Catatan Tambahan

Walaupun terdapat banyak perkara untuk diketahui dalam kehidupan Kristian, namun penghujungnya tidak pernah diragui. Yesus telah menyediakan satu tempat bagi kita di syurga.

ke arah yang benar? Di manakah anda mencari panduan?

- Adakah penting bahawa orang Kristian mengikuti Yesus? Apakah maksudnya bagi anda bahawa Yesus telah pun mendahului anda di jalan kehidupan?
- Apakah kos untuk mengikuti Yesus?

Berterima kasihlah kepada Allah untuk keseronokan dalam perjalanan iman. Berterima kasihlah kepada-Nya untuk rakan-rakan anda sepanjang perjalanan itu – Yesus berada di hadapan anda, Roh bersama dengan anda, dan sahabat-sahabat Kristian di sekeliling anda. Mintalah pertolongan-Nya untuk mengikuti dengan setia.



Ringkasan Alkitab

Menjadi Seorang Murid

Perkataan “murid” bermaksud seorang pengikut, yang belajar dari guru mereka. Yesus tidak mahu orang bertaubat yang pasif, tetapi murid-murid yang aktif, orang yang akan terus menemukan kekayaan dalam kehidupan Kristian.

Yesus diutamakan

Yesus mengatakan bahawa tidak ada perkara yang boleh ada di antara Dia dan orang Kristian. Bahkan hubungan keluarga juga mampu melemahkan pemuridan kita jika mereka campur tangan dalam hal ini (Lukas 14:26). Namun, Dia menjelaskan bahawa keluarga tidak boleh diabaikan (Markus 7:9-13; Yohanes 19:26-27). Ada seorang kaya yang pernah ditanya tentang apa yang harus dia lakukan untuk menjadi seorang pengikut Kristus. Yesus memberitahunya untuk menjual semua miliknya dan memberikan wang itu kepada orang miskin. Dalam kesnya itu, dia akan melakukan apa sahaja untuk Yesus kecuali perkara itu. Tetapi Yesus menjelaskan bahawa tidak ada pengecualian; kasih kepada Yesus adalah keutamaan orang Kristian. Dia mahukan kita untuk meninggalkan semua yang kita miliki dan bersedia untuk melayani-Nya (Lukas 18:18-30; bandingkan dengan 9:23-25).

Satu pengorbanan yang rela

Yesus tidak mahu para pengikut-Nya membuat pengorbanan atau memberi kepada gereja untuk mendapatkan penerimaan Allah. Kematian Yesus adalah korban yang sempurna yang menyatukan Allah dan manusia supaya hidup harmoni antara satu sama lain (Ibrani 10:11-18). Tetapi Allah memanggil kita untuk mempersembahkan diri kita sebagai korban yang hidup (Roma 12:1-2). Itu tidak bermaksud membunuh diri, tetapi bersedia untuk melakukan apa sahaja yang Yesus kehendaki, dalam keyakinan bahawa jalan-Nya adalah sentiasa yang terbaik.



Menemukan Menemukan Jalan Allah



Kunci Kebenaran

Allah telah menunjukkan kepada kita tujuan-tujuan-Nya yang tidak berubah dalam beberapa cara, supaya kita berasa yakin dengan apa yang Dia kehendaki.

Ditunjukkan melalui hati nurani

Satu aspek tentang dijadikan “dalam gambaran Allah”, seperti yang dijelaskan oleh Alkitab mengenai kita, adalah kita mengetahui ada perkara-perkara yang benar dan salah. Malangnya, hati nurani manusia dapat keliru dalam menentukan apa yang benar atau salah. Ia boleh dipengaruhi oleh adat budaya tempatan dan apa yang telah diajar untuk kita percayai. Tetapi Roh Kudus memperbaharui dan menghidupkan semula hati nurani orang Kristian. Hukum Allah secara perlahan-lahan menjadi “tertulis di hati kita” dengan lebih sempurna supaya kita dapat belajar untuk memberitahu secara naluri apa yang harus atau tidak harus kita lakukan.

Ditunjukkan melalui hukum Allah

Allah tidak menetapkan banyak peraturan dan undang-undang untuk kehidupan orang Kristian. Dia mahu kita mengasihi, melayani dan menghormati-Nya dengan bebas, kerana kita ingin melakukannya dan bukan kerana kita merasakan kita harus melakukannya. Namun begitu, Dia telah memberikan kod moral yang asas, bukan sahaja kepada orang Kristian, tetapi kepada semua manusia. Itu dinyatakan dalam Sepuluh Perintah (lihat Ringkasan Alkitab). Ini mencerminkan cara Allah menjadikan dunia. Ini adalah “Arahan Sang Pencipta” tentang bagaimana kehidupan manusia dirancang untuk beroperasi. Kita tidak boleh mengharapkan untuk menemukan kedamaian dan kebahagiaan jika kita melanggar hukum ini, kerana kita menghancurkan struktur kedamaian dan kebahagiaan itu sendiri.

Ditunjukkan melalui Yesus

Yesus Kristus ialah wahyu Allah yang muktamad dan paling sempurna tentang siapakah Dia dan apa yang Dia inginkan. Dalam kehidupan Yesus kita mendapati satu contoh bagaimana setiap orang harus menjalani kehidupannya, dan dalam ajaran-Nya kita mengetahui prinsip-prinsip Allah

untuk kehidupan harian. Yesus menunjukkan bahawa cara Allah mempunyai dua unsur yang penting:

- Pertama, mengasihi dan melayani Allah setiap masa, dan tidak berkompromi tentang iman kita.
- Kedua, mengasihi orang lain dengan kasih yang sama yang tidak mementingkan diri seperti yang Yesus tunjukkan dalam hidup-Nya, dan terutama di kayu salib. Ini bermaksud mengutamakan kepentingan mereka sebelum kepentingan kita sendiri.

Ditunjukkan melalui Alkitab

Pada masa lalu, Allah menyatakan kehendak-Nya melalui manusia, yang sering disebut nabi, dan melalui sahabat-sahabat terdekat Yesus, iaitu para rasul. Kata-kata mereka tertulis dalam Alkitab, di mana Allah berbicara pada hari ini. Dalam Alkitab kita melihat bagaimana umat Allah pada masa lalu menemui kehendak-Nya, yang tidak pernah berubah secara prinsip, walaupun keadaan-keadaan hari ini kelihatan berbeza. Alkitab ialah catatan kekal tentang apa yang Allah telah katakan dan lakukan. Melaluinya kita dapat melihat bagaimana Dia mahu kita hidup, dan apa yang Dia mahu kita hindari.



Untuk Difikirkan

Adalah mudah untuk mengatakan bahawa anda ingin melakukan apa yang benar. Selalunya jauh lebih sukar untuk mengetahui apa yang benar dalam beberapa keadaan.

- Bolehkah anda fikirkan tentang satu waktu ketika anda tidak pasti apakah cara yang “benar/betul”? Bagaimanakah anda membuat keputusan? Menurut anda adakah anda melakukan pilihan yang tepat?
- Berapa berkesankah hati nurani anda? Adakah bijak untuk dipimpin oleh hati nurani anda?
- Adakah anda berpendapat bahawa Sepuluh Perintah masih relevan pada hari ini? Mengapa?
- Bagaimanakah Yesus menunjukkan jalan Allah?



Semak Alkitab

Ditunjukkan melalui hati nurani

Roma 2:14-16; Ibrani 9:13-14; 10:19-22

Ditunjukkan melalui hukum Allah

Keluaran 20:1-17; Matius 5:17-20

Ditunjukkan melalui Yesus

Yohanes 13:15-17, 34-35

Ditunjukkan melalui Alkitab

Roma 15:4; 2 Petrus 3:1-2



Catatan Tambahan

Allah telah berjanji untuk menolong kita mengikuti jalan-Nya. Jika kita mempercayai kemampuan kita, kita akan gagal, tetapi jika kita bersandar pada kuasa-Nya, kita boleh berjaya.

- Bagaimanakah Alkitab menolong anda untuk mengetahui perbezaan di antara yang benar dan salah?

Yesus menunjukkan kepada dunia bahawa adalah selalu benar untuk mengasihi Allah terlebih dahulu dan kemudian mengasihi orang lain.

- Bagaimanakah anda dapat mempraktikkan perkara ini? Adakah terdapat situasi yang anda hadapi pada saat ini di mana perkara ini akan mempengaruhi tindakan anda?

Berterima kasihlah kepada Allah untuk cara-cara di mana Dia menunjukkan tujuan-tujuan-Nya kepada dunia. Bersyukurlah kepada-Nya terutama kepada Yesus, dan mintalah pertolongan Roh Kudus untuk hidup dengan lebih sesuai lagi dengan kehidupan Yesus.



Ringkasan Alkitab

Sepuluh Perintah

Sepuluh arahan ringkas dalam Keluaran 20:1-17 adalah inti pengajaran Alkitab tentang hubungan kita dengan Allah dan antara satu sama lain. Mereka terbahagi kepada dua bahagian:

Kewajipan kepada Allah

Empat hukum yang pertama berkaitan dengan pendekatan kita terhadap Allah. Dia ialah Allah yang menyelamatkan umat-Nya (ayat 2; bandingkan dengan pekerjaan Yesus di kayu salib, Matius 1:21). Dia tidak boleh mempunyai saingan (ayat 3). Kerana Allah adalah Pencipta yang maha kuasa dan adalah Tuhan ke atas segala ciptaan (ayat 5-6) manusia tidak boleh, dan tidak harus, cuba untuk menunjukkan seperti apa rupa-Nya. Kita juga tidak seharusnya memperlakukan kuasa yang hanya dimiliki oleh Allah seolah-olah ia berasal dari sumber yang lebih rendah (ayat 4-5). Satu “berhala” ialah apa-apa sahaja yang kita letakkan di tempat yang seharusnya layak untuk Allah sahaja.

Allah itu suci, dan kerana itu harus dihormati dalam perkataan dan perbuatan (ayat 7). Dia telah menciptakan manusia sedemikian rupa sehingga mereka perlu mengkhususkan satu hari dari tujuh hari bekerja untuk berehat dan meraikan Allah mereka (ayat 8-11).

Kewajipan kepada orang lain

Kehidupan keluarga adalah sesuatu yang berharga dan harus dipelihara (ayat 12), kerana ia adalah asas bagi sebuah masyarakat yang stabil. Kerana itulah hubungan seksual yang kasual dilarang (ayat 14); mereka melemahkan ikatan kekeluargaan dan menafikan kesatuan mendalam yang terjalin antara pasangan suami isteri yang berkongsi segalanya. Kehidupan manusia adalah suci dan tidak boleh diambil (ayat 13), dan perkara yang sama berlaku untuk harta milik orang lain (ayat 15). Kita tidak boleh berbohong demi keselesaan atau kepentingan peribadi (ayat 16). Dan, seperti yang ditunjukkan oleh Yesus, sikap dalaman adalah sama pentingnya dengan tindakan luaran (misalnya Matius 5:21-30). Oleh itu keinginan yang salah yang boleh membawa kepada pencurian, pembunuhan dan perzinaan harus dijauhi.



Menemukan Menemukan Kehendak Allah

Kunci Kebenaran

Allah berjanji akan membimbing kita dalam setiap situasi, supaya kita dapat melakukan apa yang dikehendak-Nya.

Berdoa tentangnya

Apabila kita ingin mengetahui tujuan Allah yang spesifik untuk kita – sama ada berkaitan dengan pekerjaan yang harus kita ikuti, tugas yang harus kita laksanakan di gereja, atau masalah yang harus kita hadapi – perkara pertama yang perlu dilakukan adalah berdoa secara spesifik mengenainya. Yesus melakukan ini sejurus sebelum penyaliban-Nya. Mengetahui Dia akan dikhianati, dan bahawa kematian sebagai korban untuk dosa kita pasti akan terjadi, Dia berdoa supaya Allah menyelamatkan-Nya. Tetapi Dia bertekad untuk melakukan hanya apa yang Allah kehendaki, kerana itu Dia berserah kepada kehendak Allah. Melalui doa, kehendak kita dapat dipandu sehingga sesuai dengan kehendak Allah, dan kita akan diperkuatkan untuk melakukannya.

Mencari Kitab Suci

Alkitab sering digunakan oleh Allah untuk membimbing kita. Pembacaannya akan menjadikan kita mengenali dan terbiasa dengan tujuan-Nya yang umum. Tetapi ada kalanya petikan yang tertentu “berbicara” kepada kita dengan cara yang sangat jelas. Ia kelihatan seperti sangat sesuai dengan situasi kita. Ia mungkin merupakan kata-kata cabaran untuk mengubah sesuatu, atau kata-kata galakan untuk meneruskan satu keputusan yang akan kita buat. Namun, ia seharusnya tidak digunakan seperti horoskop atau jampi keramat. Orang yang memetikinya secara rawak kadang-kadang akan terkejut. Seseorang yang seharusnya melakukan hal itu menemukan ayat “Yudas pun... pergi menggantung dirinya” (Matius 27:5) dan “Pergi dan berbuatlah sedemikian” (Lukas 10:37)!

Berbicara tentangnya

Keputusan-keputusan yang besar sering dibuat dengan lebih mudah selepas kita membincangkannya dengan seorang sahabat Kristian yang berpengalaman – mungkin seorang pemimpin gereja. Sesetengah orang mempunyai satu pandangan yang istimewa mengenai

rancangan Allah dan keadaan kita. Yang lain boleh menolong kita untuk berfikir dalam satu situasi, berdasarkan pengalaman mereka yang lebih mendalam mengenai Allah. Kadang-kadang ajakan mereka kepada kita untuk melakukan sesuatu mungkin telah pun mencukupi untuk membimbing kita. Bahkan satu teguran yang kasual, atau khutbah yang disampaikan dalam kebaktian atau pertemuan gereja, boleh digunakan oleh Allah untuk mencabar dan membimbing kita.

Menetapkan fikiran anda

Apabila tiba masanya untuk membuat satu keputusan, beberapa keraguan mungkin masih ada di fikiran kita. Ini mungkin kerana beberapa sebab: pengetahuan kita yang tidak lengkap tentang situasi itu atau mungkin juga kerana Allah sedang menguji iman kita dan kasih kita terhadap-Nya. Tidak ada peraturan yang sempurna. Namun jika keraguan masih wujud, yang terbaik adalah untuk tidak bertindak seperti yang dicadangkan. Orang Kristian sering – tetapi tidak selalu – mengalami rasa “kedamaian” batin apabila mereka melakukan keputusan yang tepat. Roh Allah memberi mereka jaminan bahawa mereka berada di landasan yang betul.



Untuk Difikirkan

Fikirkan beberapa situasi di mana anda memerlukan bimbingan yang spesifik dari Allah – ia mungkin merupakan perubahan yang besar dalam hidup atau keputusan yang kelihatan seperti tidak penting.

- Bagaimanakah anda mengetahui apa yang Allah inginkan dalam setiap situasi ini? Adakah hanya ada satu cara untuk menemukan kehendak Allah, atau adakah ia berbeza mengikut keadaan tertentu?
- Jika Allah dapat menunjukkan kehendak-Nya kepada anda dalam cara-cara yang berbeza, apakah yang anda harus cari? Di manakah anda harus mencarinya?
- Adakah anda fikir pimpinan dari Allah sentiasa jelas? Jika tidak, adakah ia kerana anda tidak mendengar dengan teliti, atau

Tetapi perasaan itu seharusnya tidak diterima begitu sahaja, kerana ia mungkin salah. Dan walaupun dengan mereka, kita masih harus bertindak “dalam iman”, mempercayai Allah untuk membawa kita ke tahap yang seterusnya.



Semak Alkitab

Berdoa tentangnya

Lukas 22:39-46; Kisah Para Rasul 10:9-16, 27-29

Mencari Kitab Suci

Roma 15:4; 2 Petrus 3:15-16

Berbicara tentangnya

Kisah Para Rasul 15:6-23; Galatia 2:11-16

Menetapkan fikiran anda

Kisah Para Rasul 15:23-28; Roma 1:9-15



Catatan Tambahan

Kadang-kadang dosa atau kehendak diri kita menjadikan kita tidak dapat menerima pimpinan Allah. Maka kita perlu meminta-Nya untuk menjadikan kita bersedia melakukan apa sahaja yang dikatakan-Nya.

kerana Allah tidak memberikan jawapan yang lengkap?

- Bolehkah anda memikirkan orang Kristian yang lain yang dapat menolong anda untuk mengetahui kehendak Allah? Adakah anda bersedia untuk mendengarnya?
- Adakah terdapat masa di mana anda perlu bertindak tanpa berasa yakin dengan kehendak Allah?

Mintalah Allah untuk menolong anda supaya peka terhadap arahan-Nya. Berterima kasihlah kerana Dia akan sentiasa bersama anda, dan bersedia untuk mengampuni walaupun anda tersesat.



Ringkasan Alkitab

Hidup Melalui Iman

Alkitab mengingatkan kita bahawa orang Kristian hidup dengan iman dalam Yesus dan bukannya dengan pengetahuan yang pasti dan jelas tentang masa hadapan (2 Korintus 5:7). Ini bererti ada beberapa keputusan yang dibuat ketika kita percaya bahawa ia adalah apa yang Allah kehendaki, walaupun ia kelihatan seperti bukan satu perkara yang biasa pada masa itu (Ibrani 11:8). Tetapi iman bukan suatu kebodohan; ia adalah keyakinan bahawa Allah telah membimbing kita sejauh ini dan akan membimbing kita pada masa hadapan (Ibrani 11:1-2). Ia tidak bererti bahawa kita harus berhenti menggunakan akal fikiran kita!

Akal Allah

Salah satu cara yang paling jelas Allah membimbing kita adalah melalui semua keadaan yang kita lalui. Orang Samaria yang Baik tidak perlu meminta bimbingan dalam perumpamaan Yesus. Dia melihat seorang lelaki yang telah dipukul dan tahu bahawa, kerana keperluannya, Allah mahu dia berhenti dan menolongnya (Lukas 10:33-34). Demikian juga, Paulus sering terhalang daripada mengunjungi Roma kerana tekanan untuk bekerja di tempat lain, walaupun dia rindu untuk pergi ke sana. Tambahan pula, injil telah pun diberitakan di Roma, jadi agak salah untuk menduplikasikan usaha itu (Roma 15:22-29).

Menggunakan anugerah kita

Yesus pernah memberitahukan sebuah ibarat tentang penggunaan anugerah (atau bakat) yang diberikan kepada mereka yang mengikutinya (Matius 25:14-30). Sudah jelas bahawa sama ada hamba-hambanya mempunyai banyak atau sedikit anugerah, mereka semua memiliki kemampuan untuk menggunakannya dalam peristiwa-peristiwa kehidupan seharian mereka. Dia juga memandangi kita untuk menggunakan anugerah dan kemampuan yang kita miliki. Walaupun mereka mungkin kelihatan tidak penting bagi kita, namun mereka penting bagi-Nya (Matius 10:40-42).



Menemukan Menemukan Firman Allah



Kunci Kebenaran

Alkitab adalah catatan kekal wahyu Allah kepada umat manusia, dan mengandung semua yang kita perlu ketahui untuk kehidupan baru kita dalam Yesus.

Sebuah kitab kebenaran

Alkitab adalah sebuah buku yang unik. Walaupun ia menceritakan kisah-kisah manusia biasa dan pengalaman mereka dengan Allah, namun ia lebih dari sekadar biografi agama. Ia secara unik telah “diilhamkan” oleh Allah. Ini berarti Allah membimbing orang yang menulisnya supaya apa yang mereka tuliskan adalah catatan yang benar tentang sifat dan tujuan Allah. Walaupun Alkitab mengandung 66 kitab yang ditulis lebih daripada 1,500 tahun oleh lebih dari 40 orang penulis, namun ia tidak bertentangan dengan dirinya sendiri. Sudah tentu ia mengandung penekanan yang berbeza, dan kita melihat bagaimana wahyu Allah menjadi semakin jelas tahun demi tahun, tetapi kebenaran yang diajarkannya adalah konsisten.

Sebuah kitab teladan

Walaupun Alkitab mengandungi petikan pengajaran yang murni – beberapa surat Paulus, misalnya – kebanyakannya adalah tentang orang. Persekitaran mereka berbeza dari kita, tetapi perasaan dan masalah kita adalah lebih kurang sama dengan mereka. Oleh itu kita dapat membaca kisah-kisah tentang orang yang mengenal Allah dengan sangat baik, dan mengetahui bagaimana mereka bertahan dan tetap setia kepada-Nya. Mereka akan mencabar, menggembarakan dan menggalakkan kita. Terdapat juga contoh-contoh tentang bagaimana cara yang tidak sepatutnya kita lakukan dalam kehidupan kita, dan apakah kesilapan yang harus dielakkan. Orang dalam Alkitab adalah benar-benar manusia, manusia biasa!

Sebuah kitab peringatan

Alkitab mengandungi kitab-kitab “nubuatan” termasuklah Yesaya, Yeremia, Yehezkiel, Daniel dan Amos dalam Perjanjian Lama; dan Wahyu dalam Perjanjian Baru. Kadang-kadang, mereka meramalkan masa hadapan. Ada di antara nubuatan ini yang telah digenapi, ada yang belum terjadi, dan banyak yang berlaku untuk

lebih dari satu jangka masa sejarah. Tetapi para nabi juga adalah utusan Allah yang memperingatkan umat-Nya bahawa Allah itu suci dan adil. Mereka mengingatkan manusia bahawa mereka tidak boleh menjalani kehidupan yang berdosa dan masih menerima pertolongan serta perkenanan Allah, dan mereka sering berbicara tentang penghakiman atau hukuman Allah yang diberikan kepada mereka yang mengaku menyembah Dia tetapi sebenarnya adalah jahat.

Sebuah kitab cabaran

Alkitab mempersempahkan kita dengan dua jenis cabaran. Satu adalah melalui lelaki dan perempuan milik Allah yang hebat, yang mencabar kita dengan kesetiaan mereka yang sepenuhnya kepada-Nya. Yang satu lagi adalah lebih secara langsung. Kita dicabar oleh beberapa penulis itu untuk mempercayai kebenaran yang mereka tulis dan menjalani kehidupan yang layak bagi Allah. Kita juga dicabar untuk membawa mesej-Nya ke dunia yang lebih memilih untuk mengabaikannya. Alkitab mengandungi kebenaran yang telah membawa kita kepada iman dalam Yesus Kristus, dan ia mencabar kita untuk membawa mesej itu kepada orang lain.



Untuk Difikirkan

Catat bahagian-bahagian dalam Alkitab yang anda pelajari baru-baru ini, atau telah dengar dan berbincang.

- Adakah terdapat bahagian dalam Alkitab yang anda belum baca baru-baru ini?

Selalunya adalah mudah untuk jatuh ke dalam kebiasaan untuk membaca petikan yang sama.

- Adakah penting untuk membaca dari keseluruhan Alkitab – Perjanjian Lama dan Baru? Mengapa?
- Apakah langkah-langkah praktikal yang boleh anda ambil untuk memastikan anda membaca keseluruhan Alkitab, dan bukan hanya bahagian kegemaran anda?
- Jika Alkitab adalah firman Allah, bagaimanakah itu mempengaruhi cara anda



Semak Alkitab

Sebuah kitab kebenaran

Yohanes 17:17; 2 Timotius 3:14-17

Sebuah kitab teladan

Ibrani 11:29-40; 12:14

Sebuah kitab peringatan

Yeremia 17:1-10; Wahyu 2:1-7

Sebuah kitab cabaran

Markus 8:34-38; Lukas 24:45-49



Catatan Tambahan

Alkitab bukanlah sebuah buku untuk dibaca seperti buku-buku yang lain. Untuk mendengar Allah berbicara kepada kita melaluinya, kita perlu berdoa untuk pertolongan dari Roh Kudus-Nya.

membacanya?

- Adakah mungkin untuk memahami mesej Alkitab tanpa pertolongan Roh Kudus?

Berterima kasihlah kepada Allah kerana Dia berbicara untuk membuat diri-Nya dikenali. Berterima kasihlah kepada-Nya kerana kekayaan dan kepelbagaian Alkitab. Berdoalah untuk bantuan Roh-Nya untuk memahami apa yang Allah katakan kepada anda pada hari ini.



Ringkasan Alkitab

Segala yang Kita Perlu Tahu

Alkitab mengandungi segala yang kita perlu ketahui tentang Allah, Yesus, diri kita sendiri dan dunia, untuk menjalani kehidupan sebagai orang Kristian (2 Timotius 3:16-17). Tetapi ia sering diejek dan dipersoalkan, bahkan oleh para sarjana Kristian.

Benar-benar boleh dipercayai

Frasa “diilhamkan oleh Allah” dalam 2 Timotius 3:16 bermakna “dihembuskan oleh Allah” (“nafas Allah”). Allah tidak memerintahkan Alkitab-Nya kepada para penulisnya, tetapi membimbing pemikiran mereka supaya apa yang mereka tulis adalah benar dan akan menggalakkan kita untuk mengenali, mengasihi dan melayani-Nya. Alkitab mengandungi semua yang perlu kita ketahui perihal kepercayaan dan perbuatan (2 Timotius 3:15). Jika kita mengikuti apa yang dikatakannya kita dapat mengetahui realiti Yesus. Ia juga “berguna untuk mengajar”; kita tidak perlu untuk menambahkan hukum manusia kepadanya. Roh Kudus yang mengilhamkannya akan mentafsirkannya kepada kita (Yohanes 16:13-15; 2 Petrus 1:20-21).

Bukan sebuah ensiklopedia

Alkitab tidak mengandungi semua yang perlu diketahui; contohnya tentang sains, sukan atau sosiologi. Ia bahkan tidak memberitahu kita semua perkara tentang Allah; alam semesta terlalu kecil untuk menyimpan pengetahuan ini! Paulus kecewa kerana orang berspekulasi tentang perincian yang tidak disebut oleh Alkitab (Kolose 2:8). Alkitab berbicara dengan penuh kewibawaan mengenai menjadi seorang Kristian dan kandungan kepercayaan Kristian. Di mana ia tidak menyebutkan, kita digalakkan untuk meyakini kebijaksanaan Allah yang tidak dinyatakan sepenuhnya kepada kita (1 Petrus 1:10-12).



Menemukan Menerapkan Firman Allah



Kunci Kebenaran

Alkitab ialah alat yang asas untuk kehidupan Kristian; dengan menggunakannya secara berhati-hati kita akan terus dekat dengan Allah.

Kelengkapan untuk perjalanan

Sama seperti tiada penjelajah yang akan meninggalkan rumah tanpa makanan, peta dan alat kelengkapan hidup, demikianlah Allah tidak menjangkakan kita untuk mengharungi kehidupan tanpa kelengkapan asas yang kita perlukan dalam perjalanan. Kelengkapan utama kita adalah Alkitab. Ia memberikan kebijaksanaan untuk menangani situasi yang sukar, pengertian tentang keperluan dunia yang sebenarnya, dan pemahaman tentang Allah serta cara-Nya. Yang paling penting, ia menyediakan “makanan” rohani kepada kita. Hubungan kita dengan Yesus dipelihara dan diperkaya apabila kita membaca dan menerapkan firman-Nya. Ia membawa kita lebih dekat kepada Pemandu kita.

Cahaya untuk jalan yang gelap

Kehidupan Kristian membawa kebanyakan kita ke situasi-situasi di mana jalan Tuhan jauh dari jelas. Selain itu, kita mengembara dalam dunia yang dikatakan oleh Alkitab sebagai “dalam kegelapan” kerana ia tidak disinari oleh kehidupan dan cahaya Yesus. Oleh itu Alkitab menolong menerangi hal-hal itu. Ini menjelaskan mengapa manusia kekok, mengapa kejahatan wujud dan bagaimana ia dapat diatasi atau dielakkan. Melalui pembacaan kita yang tetap, Allah akan selalu memberi kita penerangan yang kita perlukan untuk menghadapi suatu keadaan atau untuk menjawab soalan yang sukar.

Pedang untuk peperangan yang sukar

Rasul Paulus menyebut firman Allah sebagai “pedang Roh” (Efesus 6:17). Ini adalah kerana ia mempunyai tindakan yang tajam dan berkuasa. Ia menembusi ke dalam lapisan perlindungan kesombongan, kepentingan diri sendiri dan penipuan yang sering digunakan oleh manusia untuk menjauhkan kebenaran Allah daripada kehidupan mereka. Kadang-kadang kita perlu menggunakan Alkitab seperti sebilah pedang, untuk mengurangkan penentangan terhadap Yesus. Apabila perdebatan dengan sahabat

bukan Kristian gagal, Alkitab kadang-kadang akan berjaya meyakinkan mereka – tetapi kita harus belajar untuk menggunakannya dengan berhati-hati, bukan dengan cuai. Ketika kita menghadapi godaan, ayat-ayat Kitab Suci yang dibacakan, diucapkan dan diterapkan dapat menolong kita untuk menang ke atas Iblis.

Kekuatan untuk terus berjalan

Kehidupan Kristian adalah seperti sebuah ekspedisi panjang melalui pelbagai negara yang berbeza. Kadang-kadang perjalanan ini agak mudah, seperti berjalan di tanah rata. Pada masa yang lain ia sukar seperti mendaki bukit berbatu yang tinggi ataupun bergelut di sebatang sungai yang deras atau di dalam hutan tebal. Di situlah orang Kristian boleh menjadi kecewa. Alkitab menyediakan dorongan dan kekuatan untuk meneruskan perjalanan. Kadang-kadang perkara yang paling sukar untuk dilakukan adalah untuk membuka Alkitab. Iblis akan melakukan semua yang ia mampu untuk menjadikan kita ragu-ragu akan kuasa firman Allah dan menghentikan kita daripada menggunakannya.



Untuk Difikirkan

Firman Allah relevan untuk semua situasi dan musim kehidupan.

- Bilakah anda sering merujuk kepada Alkitab? Adakah ketika masa senang, atau ketika masa sukar? Mengapa?
- Apakah yang anda rasakan tentang kehidupan anda pada masa ini? Menurut anda apakah mesej Alkitab bagi anda sekarang?
- Bagaimanakah anda menggunakan Alkitab baru-baru ini untuk melawan godaan? Untuk mencari panduan? Untuk mendapatkan kekuatan? Untuk menolong anda menyembah Allah?



Semak Alkitab

Kelengkapan untuk perjalanan

Mazmur 119:97-104; 1 Petrus 2:1-3

Cahaya untuk jalan yang gelap

Mazmur 119:105-112,130; 1 Yohanes 1:5-7

Pedang untuk peperangan yang sukar

Mazmur 119:9-11,113-115; Efesus 6:17; Ibrani 4:12-13

Kekuatan untuk terus berjalan

Mazmur 119:25-40,73-80; 2 Timotius 2:15



Catatan Tambahan

Alkitab tidak mengumpulkan semua ajarannya tentang isu-isu yang spesifik. Untuk mengetahui apa yang dikatakannya, kita perlu mengenalinya dengan baik.

Allah memberikan Alkitab untuk menolong anda dalam kehidupan Kristian anda. Dia juga memberikannya kepada anda supaya anda dapat menolong orang lain.

- Bolehkah anda fikirkan situasi yang melibatkan orang lain di mana anda boleh menggunakan Alkitab untuk memberikan bimbingan, penghiburan atau teguran?

Berterima kasihlah kepada Allah untuk cara-cara di mana firman-Nya relevan dan berguna bagi kehidupan anda. Mintalah Roh Kudus untuk menerapkan firman Allah kepada anda dengan lebih banyak lagi.



Ringkasan Alkitab

Pandangan Yesus Tentang Alkitab

Walaupun Yesus adalah Anak Allah yang datang untuk mengungkap kebenaran Allah kepada manusia (Ibrani 1:1-4), Dia menggunakan Alkitab pada zaman-Nya, iaitu Perjanjian Lama, dengan banyak sekali.

Satu senjata untuk melawan

Apabila Dia berhadapan dengan Iblis di padang gurun sebelum permulaan pelayanan umum-Nya, Yesus menjawab godaan-Nya dengan memetik Alkitab (Matius 4:1-11). Dia menemukan dalam Kitab Suci jawapan yang sempurna dan sederhana kepada godaan-godaan-Nya. Dia tidak berdebat; Dia hanya menunjukkan apa yang firman Allah katakan dan berpegang padanya.

Bukti pekerjaan Allah

Sering kali Yesus, dan para rasul-Nya, memetik Perjanjian Lama untuk menunjukkan bagaimana peristiwa-peristiwa dalam pengalaman mereka telah dinubuatkan, dan untuk membuktikan bahawa Allah masih bekerja. Sebagai contoh, Dia mengatakan bahawa Yohanes Pembaptis adalah nabi yang telah dinubuatkan beberapa abad sebelum itu oleh Maleakhi (Matius 11:10). Dan Dia menerapkan Alkitab kepada mereka yang menolak untuk mendengar apa yang dikatakan-Nya. Seperti yang diperingatkan oleh para nabi, mereka telah menolak untuk mendengar apabila Allah cuba untuk berbicara kepada mereka dengan cara yang baru (Matius 13:14-15).

Menyokong tindakan-Nya

Yesus sering dicabar oleh orang untuk memperbenarkan apa yang dilakukan-Nya, terutama apabila ia bertentangan dengan adat kebiasaan mereka. Jadi, ketika Dia dituduh melanggar hukum Perjanjian Lama tentang mematuhi hari Sabat, Dia memetik sebuah kisah duluan – tindakan Raja Daud – untuk apa yang Dia lakukan (Matius 12:1-8).



Menemukan Mengendali Firman Allah



Kunci Kebenaran

Untuk mengetahui kebenaran firman Allah, kita perlu mendekatinya dengan beberapa cara yang berbeza.

Membacanya selalu

Sebilangan besar orang Kristian merasa senang untuk meluangkan sedikit masa pada setiap hari untuk membaca Alkitab, biasanya sebelum waktu mereka berdoa, mungkin perkara pertama pada waktu pagi atau perkara terakhir pada waktu malam. Ini menolong untuk memusatkan pemikiran kita kepada Allah dan memberi kita bahan untuk didoakan. Beberapa pelajaran dari Alkitab dapat digunakan sebagai satu asas untuk berdoa bagi diri kita atau orang lain, atau untuk penyembahan dan pujian. Dengan menggunakan Alkitab dengan cara ini, kita dapat membaca Alkitab dengan baik. Yang paling mudah adalah dengan bermula dari salah satu Injil, katakan Markus, kemudian beralih ke beberapa surat Paulus (Efesus adalah yang baik untuk memulai), sebelum beralih ke Mazmur dalam Perjanjian Lama. Dengan cara ini, kita dapat merasakan pelbagai bahagian dalam Alkitab.

Mendalaminya

Di negara-negara di mana terdapat sedikit buku, atau di mana ramai orang yang tidak boleh membaca, firman Allah biasanya dihafal. Tabiat mempelajari petikan dengan hati ialah tabiat yang baik, bahkan bagi mereka yang telah pun mempunyai Alkitab. Ada dua alasan untuk ini:

- Pertama, seperti Yesus, kita akan mendapat satu balasan yang segera terhadap godaan iblis. Kita boleh menjawabnya dengan pantas dan tegas.
- Kedua, kita akan mengetahui dengan tepat tentang apa yang kita percayai pada waktu ia diperlukan. Beberapa ayat asas seperti Yohanes 3:16 akan mengingatkan kita tentang asas injil, dan janji-janji seperti Matius 11:28 akan menolong kita apabila kita berada dalam tekanan.

Mempelajari ajarannya

Ada sangat banyak untuk dipelajari dari Alkitab tentang Allah, dunia, diri kita, dan apa yang

Yesus telah lakukan dan akan lakukan bagi kita. Oleh itu dalam membaca Alkitab, kita perlu menyesuaikan semua ajaran yang kita peroleh daripada bahagiannya yang berbeza. Kemudian kita dapat membina satu gambaran kebenaran Allah dan tidak akan menjadi mangsa kepada guru-guru palsu yang cuba untuk mengganggu iman kita. Jika anda mempunyai sebuah Alkitab dengan rujukan silang di ruangan tepi, atau jika anda mempunyai satu indeks perkataan, anda boleh mengikuti satu subjek dengan lebih mudah. Jika tidak, buat nota semasa anda mempelajarinya dan bina indeks subjek anda sendiri. Terdapat juga beberapa buku yang bermanfaat mengenai ajaran Alkitab.

Menemukan watak-wataknya

Alkitab mempunyai banyak penjelasan dan kisah tentang orang yang belajar dengan cara sulit untuk melakukan kehendak Allah. Sangat menyenangkan untuk membaca beberapa daripada mereka, seperti tentang seorang gembala muda yang menjadi Raja Daud. Yang lain adalah watak yang tragis, seperti Samson: secara fizikal dia kuat dan berani tetapi lemah secara moral. Namun semuanya mempunyai kejayaan dan juga kegagalan. Mereka mempunyai banyak



Untuk Difikirkan

Buat satu senarai tentang cara-cara berbeza yang anda boleh mempelajari (misalnya mendengar khutbah, berbincang dalam kumpulan).

- Kaedah pembelajaran yang manakah yang anda dapati sangat membantu?
- Bolehkah anda memikirkan cara-cara mempelajari Alkitab yang sesuai dengan kaedah pembelajaran anda yang berbeza?
- Bagaimanakah anda dapat menggabungkannya ke dalam pola pembacaan dan pembelajaran Alkitab secara teratur?

Mengenal Alkitab bukan hanya dengan kaedah yang betul. Sebenarnya, yang lebih penting adalah untuk mempunyai sikap yang betul!

untuk diajarkan kepada kita, kerana mereka melihat diri kita dan orang lain dalam diri mereka. Masa yang dihabiskan untuk mengumpulkan cerita tentang orang seperti itu dari pelbagai kitab Alkitab di mana mereka muncul adalah berbaloi dan menyenangkan.



Semak Alkitab

Membacanya selalu

Yosua 1:8; Mazmur 119:97; 1 Petrus 2:2;
2 Timotius 3:16-17

Mendalaminya

Mazmur 119:11; Yakobus 1:22-25

Mempelajari ajarannya

Matius 7:15-23; 1 Timotius 4:6-10; 6:3-5

Menemukan watak-wataknya

Ibrani 11:24-28; 12:1-3



Catatan Tambahan

Apabila anda tiba pada satu petikan yang “sukar” dalam firman Allah, cubalah untuk mentafsirkannya berdasarkan pernyataan Alkitab yang lain yang berkaitan di mana ertinya jelas. Biasanya penjelasan yang jelas dan paling mudah adalah yang tepat.

- Apakah “keadaan hati” yang tepat untuk membaca Alkitab? Adakah terdapat keadaan lain yang boleh mempengaruhi, seperti tempat atau masa?
- Bagaimanakah anda dapat mempersiapkan diri untuk membaca Alkitab dan menerima mesej Allah melaluinya?

Berdoalah supaya Roh Kudus akan mempersiapkan hati anda untuk mendengar firman Allah. Katakan kepada Allah bahawa anda ingin mengendalikan Alkitab dengan bijak dan dengan benar, dan bahawa anda sudah bersedia untuk meresponi-Nya.



Ringkasan Alkitab

Memahami Firman Allah

Sesetengah orang mendakwa bahawa anda boleh membuat Alkitab mengatakan apa yang anda ingini. Itu benar, jika anda mengambil pernyataan atau ayat itu keluar daripada konteks mereka. Ada tiga perkara yang perlu ditanyakan mengenai mana-mana petikan yang akan membantu anda untuk memahaminya. Ambil sebagai contoh perumpamaan tentang orang Samaria yang Baik dalam Lukas 10:25-37.

Apa jenis petikan?

Ini jelas bukan satu peristiwa yang bersejarah, atau satu doktrin Kristian yang diperdebatkan. Ia adalah sebuah perumpamaan, sebuah kisah yang direka untuk mengajarkan satu perkara. Yesus menunjukkan perkara ini pada akhirnya (ayat 36-37). Ia adalah sebuah cerita yang tentunya cukup masuk akal. Sesuatu yang serupa pasti pernah berlaku.

Apakah yang dikatakannya?

Unsur-unsur utamanya adalah bahawa yang pertama-tama dan terutama kita mesti mengasihi Allah (ayat 25-28), tetapi mengasihi jiran kita adalah seiring dengan ini sebagai satu ungkapan kasih itu. Jiran kita boleh menjadi sesiapa sahaja orang yang memerlukan, bukan hanya orang yang kita sukai – orang Yahudi tidak menyukai orang Samaria.

Apakah maksudnya bagi saya?

Perintah Yesus kepada ahli Taurat (ayat 37) selalu berlaku. Ini bukan kisah yang bagus untuk dinikmati, tetapi contoh yang boleh diterapkan.